

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING

KAWASAN : PENAMPANG

TARIKH : 24 MAC 2014, ISNIN

SOALAN:

YB. TUAN IGNATIUS DORELL LEIKING (PENAMPANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan masa yang diperlukan untuk memproses dan meluluskan sebarang permohonan peruntukan daripada Kementerian Kerja Raya untuk membaiki jalan raya-jalan raya yang rosak di setiap daerah di negeri Sabah yang diajukan oleh Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan-jalan di Sabah terdiri daripada Jalan Persekutuan dan Jalan Negeri. Untuk Jalan Persekutuan peruntukan disalurkan menerusi peruntukan kementerian ini manakala Jalan Negeri pula, peruntukan disalurkan kepada Kerajaan Negeri oleh Kerajaan Pusat menerusi geran peruntukan MARRIS setiap tahun berdasarkan kepada jarak kilometer jalan negeri.

Pada masa kini terdapat 1428 km Jalan Persekutuan di Negeri Sabah yang kini diselenggara oleh syarikat konsesi yang dilantik oleh Kerajaan Pusat. Manakala jalan negeri pula adalah sepanjang 20,900 km yang diselenggara oleh Kerajaan Negeri Sabah.

Waran peruntukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan rutin Jalan Persekutuan akan disalurkan kepada JKR Negeri Sabah pada setiap bulan berdasarkan kepada kadar harga yang ditetapkan dalam perjanjian konsesi. Walau bagaimanapun, ia tidak termasuk peruntukan untuk kerja-kerja kecemasan seperti kes tanah runtuh di jalan persekutuan di mana ia menggunakan peruntukan kecemasan Kementerian Kewangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua kerja penyelenggaraan jalan yang dilaksanakan oleh syarikat konsesi jalan ini dipantau oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dan ia tertakluk kepada senarai keutamaan yang akan ditentukan oleh JKR Negeri Sabah.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

TARIKH : 24 MAC 2014

RUJUKAN : 6544

SOALAN:

Puan Kasthuriraani a/p Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada NGO Majlis Jemaah Islam dalam perhimpunan untuk menampar seorang wanita, Teresa Kok telah memberi notis 10 hari sebelum perhimpunan tersebut dan jika ia, di mana ianya diberikan dan di mana buktinya.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Perhimpunan oleh Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) yang diadakan berhampiran Jalan Tun Perak, Kuala Lumpur merupakan satu perhimpunan yang tidak dirancang yang diadakan untuk membantah penghinaan terhadap Kepimpinan Melayu, Yang Dipertuan Agong dan Agama Islam serta maruah bangsa Melayu.

Tawaran untuk menampar YB Teresa Kok telah dibuat oleh saudara Mustafa Hamzah yang merupakan pengacara majlis perhimpunan tersebut dari Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM).

Di dalam perhimpunan ini tidak ada notis dikeluarkan oleh KPD Dang Wangi kerana perhimpunan ini diadakan secara tidak dirancang dan tidak ada permohonan dari PPIM untuk mengadakan perhimpunan tersebut. Pihak polis menjalankan siasatan ke atas perhimpunan tersebut di bawah Sek. 9 (5) APA 2012. Kertas siasatan akan dirujuk ke Timbalan Pendakwaraya apabila telah lengkap.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : Datuk Rozman bin Isli
[Labuan]**

TARIKH : 24 Mac 2014 (Isnin)

SOALAN : 53

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah perancangan untuk meningkatkan kapasiti Pelabuhan Labuan di masa terdekat ini. Ini kerana, Pelabuhan Labuan pada masa ini mempunyai kapasiti yang sangat rendah dibandingan dengan permintaan terutamanya daripada industri minyak dan gas yang sebenarnya adalah 80 peratus pengguna perkhidmatan pelabuhan tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, Dermaga Merdeka atau Pelabuhan Labuan dengan keluasan hanya 5 ekar, tidak dapat memenuhi keperluan Labuan pada masa hadapan. Pengoperasian pelabuhan ini yang terletak di bandar Labuan sering kali menyumbang kepada kesesakan lalu lintas.

Dalam hubungan ini, Kerajaan telah menerima cadangan daripada pihak swasta bagi membangunkan sebuah pelabuhan di tapak milik Kerajaan di Rancha-Rancha dan cadangan tersebut sedang diteliti.